

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

FEL 405 Pengurusan Farmasi Hospital

Masa : (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan dan 8 muka surat yang bertaip.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Sebagai seorang Ahli Farmasi anda diberi tugas untuk mengadakan sebuah kilang sediaan farmaseutikal.

(A) Huraikan kriteria-kriteria penting mengikut GMP dalam pemilihan lokasi bangunan kilang tersebut.

(5 Markah)

(B) Apakah kelas perancangan yang terlibat dan berikan sebab-sebab kenapa projek ini termasuk dalam kelas perancangan berkenaan?

(5 Markah)

(C) Bincangkan maksud "merancang" dalam projek mengadakan kilang tersebut?

(5 Markah)

(D) Terangkan samada Ahli Farmasi perlu berdaftar dengan lembaga Farmasi, sekiranya ia bertugas di kilang yang dipunyai oleh Kerajaan Malaysia.

(5 Markah)

...3/-

- (E) Terangkan prosedur mencuci alat-alatan yang terlibat dalam penyediaan, sekiranya kilang tersebut hanya mengeluarkan satu jenis tablet parasetamol 500mg sahaja sehari dalam 5 kelompok.

(5 Markah)

2. (A) Semasa bertugas di sebuah hospital kerajaan, anda perlu membeli tablet Multivitamin 100,000 tablet dengan anggaran harga 45 sen sebiji. Berikan huraian anda mengenai perkara-perkara berikut.

- (i) Dua cara perolehan yang anda boleh ikuti dengan berpandukan kepada Arahan Perbendaharaan Malaysia.

(7 Markah)

- (ii) Apakah prosedur penerimaan apabila bekalan tersebut sampai ke stor anda?

(5 Markah)

- (B) (i) Kontaminasi merupakan satu masalah dalam penyediaan admikstur intravena. Secara ringkas, jelaskan maksud kontaminasi.

(2 Markah)

...4/-

(ii) Bincangkan bagaimana kontaminasi partikel boleh berlaku?

(4 Markah)

(iii) Jelaskan punca-punca berlakunya kontaminasi organisme?

(3 Markah)

(iv) Bincangkan ujian-ujian kawalan mutu yang boleh digunakan untuk mengesan kontaminasi-kontaminasi di atas?

(4 Markah)

3. (A) (i) Secara ringkas, lukiskan skema atau carta-aliran aktiviti pembekalan drug secara sistem unit dos yang diamalkan di Hospital Universiti Sains Malaysia.

(7 Markah)

(ii) Banding dan bezakan antara bungkusan seunit tunggal (single unit package) dengan bungkusan seunit dos (unit dose package).

(4 Markah)

...5/-

- (iii) Huraikan bagaimana sistem pembekalan unit dos dapat mengurangkan kadar kesilapan pengubatan.

(4 Markah)

3. (B) (i) Terangkan maksud farmakokinetik dan farmakokinetik klinikal.

(5 Markah)

- (ii) Nyatakan rasional atau faktor-faktor yang memungkinkan penubuhan perkhidmatan pemantauan terapeutik drug.

(5 Markah)

4. NH (berat badan 2.5 kg) adalah seorang neonat lelaki berumur 18 hari, yang telah dimasukkan ke wad 6T, HUSM, kerana mengidap penyakit atresia jejunal. Pembedahan dilakukan ke atas NH untuk memulihkan fungsi gastroususnya. Nutrisi parenteral total (TPN) telah dimulakan sehari selepas pembedahan melalui pinggir periferi. Selepas sehari pemberian TPN, terdapat tanda-tanda inflamasi di bahagian administrasi.

Kandungan TPNnya ialah dekstros 18 gm/kg/hari dan asid amino (protein) 1 gm/kg/hari. Kandungan elektrolit-elektrolit, unsur surih dan vitamin yang diberikan dalam TPN adalah dalam jumlah untuk keperluan pengendalian. Keperluan bendalir pada hari tersebut ialah 136 mL/kg/hari yang keseluruhannya diberikan melalui larutan TPN.

...6/-

- (A) Nyatakan kemungkinan punca inflamasi di bahagian administrasi dan apakah risiko yang dihadapi jika administrasi TPN yang sama diteruskan.

(3 Markah)

- (B) Apakah tindakan yang seharusnya diambil untuk mengelakkan keadaan menjadi bertambah teruk?

(2 Markah)

- (C) Pada hari ketiga lemak sebanyak 2 gm/kg/hari telah ditambah ke dalam sediaan TPN, dekstros dikurangkan kepada 15 gm/kg/hari dan jumlah asid amino kekal pada 1gm/kg/hari.

Jika berat badan pesakit masih 2.5 kg, kirakan jumlah tenaga dalam kilokalori yang diterima oleh pesakit daripada sediaan TPN ini.

(4 Markah)

- (D) Apakah kepentingan emulsi lemak dalam TPN?

(3 Markah)

- (E) Apakah kontraindikasi pemberian emulsi lemak?

(4 Markah)

...7/-

- (F) Nyatakan langkah-langkah yang perlu dalam pemberian emulsi lemak serta nyatakan di antara tanda-tanda taktoleran terhadap infusi emulsi lemak.

(6 Markah)

- (G) Nisbah kalori bukan protein (NPC) kepada nitrogen (N) merupakan satu nisbah yang lazimnya diperhatikan dalam pemberian TPN. Apakah kepentingan nisbah ini dan faktor yang patut diambil kira dalam menentukan nisbah ini?

(3 Markah)

5. (A) Tuliskan nota-nota ringkas mengenai perkara-perkara berikut :

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan masalah pengambilan dan penggunaan ubat-ubatan?

(3 Markah)

- (ii) Senaraikan langkah-langkah yang terdapat dalam proses kaunseling drug yang bersistem?

(3 Markah)

- (iii) Berikan lima (5) contoh kesalahan pengambilan ubat-ubatan.

(3 Markah)

...8/-

- (iv) Terangkan kaedah penyukatan komplians drug yang sesuai untuk pesakit-pesakit luar.

(3 Markah)

(B) Huraikan tiga (3) perkara berikut:-

- (i) Langkah-langkah yang paling sesuai untuk merawat ekstrasvasasi vinkristin.

(5 Markah)

- (ii) Kaedah pengendalian tumpahan serbuk siklofosfamid ke atas lantai bilik aseptik.

(4 Markah)

- (iii) Kaedah penyusuan (milking technique) dan kebaikannya.

(4 Markah)